



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 18 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI OPTIMIS TINGKAT PENGETAHUAN BERAS TEMPATAN, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PERKASA SEKTOR AGROMAKANAN, HM -ONLINE	
3.	PERKASA SEKTOR AGROMAKANAN, EDISI VIRAL -ONLINE	
4.	RAMPAS 417KG TANDUK BIRI-BIRI, LOKAL, HM -2	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	MAQIS SELANGOR RAMPAS 417KG TANDUK BIRI-BIRI, NEGARA, KOSMO -16	
6.	HARGA MAKANAN AYAM NAIK JEJAS MARGIN KEUNTUNGAN PENGETAHUAN TELUR, SH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7.	SEKTOR PENGETAHUAN TELUR AYAM RUGI KETIKA COVID-19, NEGARA, KOSMO -7	
8.	PENGETAHUAN TELUR AYAM ALAMI KERUGIAN, DEWAN RAKYAT, HM -16	
9.	CHEAPER CHICKEN EGGS IN THE MARKET, NATION, THE STAR -14	
10.	DOUBLE BLOW FOR POULTRY FARMERS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2	
11.	HARGA MAKANAN AYAM PENGARUHI KEUNTUNGAN PENGETAHUAN TELUR, PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT, SH -10	
12.	SUMBER PERIKANAN LEBIH SISTEMATIK, SH -9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13.	12 PENTERNAK RUGI HAMPIR RM3 JUTA, NEGERI TERENGGANU/P. PINANG, KELANTAN, SH -31	
14.	INDUSTRI NANAS MAJU, DINAMIK, NASIONAL, SH -7	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
15.	MUSTAPHA PENGURUS AGROBANK, EKONOMI, UM -36	AGROBANK
16.	NELAYAN JUNJUNG KASIH KURNIAAN SULTAN JOHOR, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN
17.	PENTERNAK KERAPU RUGI RM5J, DALAM NEGERI, UM -29	
18.	TENGKUJUH: PENGUSAHA IKAN SANGKAR PERLU PEKA, DALAM NEGERI, UM -29	
19.	LADANG JAGUNG GENG PENCEN, LOKAL, HM -17	
20.	BERADAB BUKA KEBUN SAYUR, JANGAN MUSNAHKAN TADAHAN AIR, LOKAL, HM -17	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI optimis tingkat pengeluaran beras tempatan



Ronald (kiri) dan Timbalan Menteri MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua dari kiri) melihat sawah padi baru-baru ini.

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) optimis untuk mencapai peningkatan kadar pengeluaran beras tempatan kepada 75 peratus dalam tempoh beberapa tahun akan datang bagi mengurangkan kebergantungan import negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kadar pengeluaran beras ketika ini adalah pada 70 peratus dan sebanyak 30 peratus membabitkan import beras.

Menurutnya, polisi kerajaan sejak sekian lama dengan 70 peratus pengeluaran beras tempatan dan 30 peratus diimport menjadikannya selesa dengan polisi berkenaan.

"Penutupan negara dan sedikit halangan untuk mengimport beras pada masa pandemik koronavirus (Covid-19) ini mengajar kita untuk melihat dasar ini, kami telah diminta untuk merancakkan penanaman padi berskala besar untuk mengurangkan import.

"Polisi 70:30 ini perlu dinilai semula dan kita menyasarkan dalam tempoh beberapa tahun lagi pengeluaran beras negara akan mencapai 75 peratus. Kalau kita mahu meningkatkan pengeluaran beras negara, kita memberikan tumpuan lebih kepada industri ini secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar khas mengenai Belanjawan 2021 di Bangunan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini semalam.

Ronald berkata, MAFI akan berusaha memastikan pengeluaran penanaman padi secara berskala besar dan penggunaan pelbagai mekanisme serta automasi mampu ditingkatkan pada masa akan datang.



Ronald Kiandee

"Untuk mencapai sasaran itu, ia akan melibatkan peningkatan pengeluaran daripada jelapang padi, penggunaan baja yang bersesuaian, jenis padi dan sistem pengairan serta tanah yang bersesuaian yang akan meningkatkan pengeluaran padi berbanding sekarang."

"Kalau kita lihat pengeluaran beras padi berbeza di setiap kawasan disebabkan oleh kesuburan tanah yang berbeza di antara negeri di kawasan utara, selatan, Selangor, Perak, Pahang dan sebagainya."

"Jadi kita telah memperuntukkan sebahagian dana untuk kesuburan tanah dan jika dibandingkan dengan negara lain dari segi pengeluaran mungkin kita agak ketinggalan tetapi kita melihat negara lain mengeksport lebih banyak beras ke negara luar disebabkan oleh kawasan tanah yang besar, contohnya seperti Vietnam dan Thailand mempunyai kawasan tanah yang besar tetapi dari segi hasil pengeluaran kita lebih tinggi," katanya.

Menurut Ronald, kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM4.79 bilion untuk MAFI terus merancakkan sektor pertanian dan industri makanan dalam Belanjawan 2021.

"Peruntukan itu termasuk bagi tujuan perbelanjaan mengurus (OE) sebanyak RM3.28 bilion dan perbelanjaan pembangunan (DE) sebanyak RM1.51 bilion.

"Insentif dan bantuan yang akan diberikan juga antara lain akan meningkatkan daya saing pengeluaran padi dan beras menerusi peningkatan produktiviti, kualiti dan kecekapan selain meringankan beban mereka khususnya dalam keadaan ekonomi yang mencabar masa ini," katanya.



Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi (dua dari kiri) melawat kilang beras.

Beliau berkata, jumlah subsidi dan insentif yang diterima pada tahun 2021 telah meningkat sebanyak RM50 juta berbanding tahun sebelum ini iaitu RM960 juta untuk subsidi dan insentif tanaman padi, RM570 juta untuk insentif harga padi dan RM40 juta subsidi baja padi bukit.

"Keseluruhan subsidi dan insentif yang diterima bagi sektor padi akan memanfaatkan 300,000 pesawah di seluruh negara," katanya.

Katanya, MAFI juga telah menerima peruntukan sebanyak RM410 juta bagi pelaksanaan tujuh inisiatif utama iaitu Program Kebun Komuniti atau Kebuniti dengan peruntukan RM30 juta dan Projek Pertanian Organik dengan peruntukan RM50 juta.

"Program Ladang e-Satelit pula menerima peruntukan berjumlah RM10 juta secara geran padanan sehingga maksimum RM30,000 bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Program Pemodenan Vessel dan Mekanisasi Tangkapan dengan peruntukan RM150 juta.

"Program Pemodenan Rantai Nilai Agromakanan dengan peruntukan masing-masing sebanyak RM60 juta di bawah Agrobank dan Program Pengembangan Akuakultur dengan peruntukan RM10 juta serta Projek Pertanian dan Penternakan Berimpak dan Bernilai Tinggi dengan peruntukan RM100 juta dilaksanakan melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi memajukan lagi pembangunan sektor pertanian dan industri makanan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga telah mengumumkan Skim Pembiayaan Mikrokredit di bawah Agrobank yang akan memberikan lebih banyak peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), golongan wanita dan muda.

"Kementerian akan terus memainkan peranan penting dalam melaksanakan Belanjawan 2021 dengan efektif bagi memastikan sektor agromakanan dapat pulih dengan segera di setiap peringkat rantai makanan.

"Belanjawan ini akan dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan terus menyumbang kepada industri agromakanan negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

Perkasa sektor agromakanan [METROTV]



sektor pertanian diunjurkan menyumbang 4.7 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun depan.

"Peruntukan pembangunan diberikan juga lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada pembangunan sektor agromakanan sebagai sektor ekonomi yang penting negara sekali gus memastikan kebajikan petani, penterak dan nelayan serta usahawan tani terus dipelihara.

"Insentif dan bantuan itu antara lain akan meningkatkan daya saing pengeluaran padi dan beras menerusi peningkatan produktiviti, kualiti dan kecekapan selain meringankan beban mereka khususnya dalam keadaan ekonomi yang mencabar masa ini," katanya pada sidang media khas, semalam.



DR Ronald. FOTO Mohamad Shahril BADRI Saali

Katanya, pelbagai insentif dan bantuan yang diumumkan akan melonjakkan daya saing pengeluaran padi dan beras menerusi peningkatan produktiviti, kualiti dan kecekapan selain meringankan beban rakyat dalam iklim ekonomi mencabar masa ini.

Ronald berkata, jumlah subsidi dan insentif diterima pada 2021 meningkat RM50 juta berbanding sebelum ini iaitu RM960 juta subsidi serta insentif tanaman padi termasuk RM40 juta subsidi baya padi bukit dan RM570 juta untuk insentif harga padi.

"Keseluruhan subsidi dan insentif bagi sektor padi akan memanfaatkan 300,000 pesawah di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata, golongan nelayan akan menerima Elaun Sara Hidup Nelayan menerusi peruntukan RM30 juta, membabitkan peningkatan elaun daripada RM250 kepada RM300 sebulan bagi setiap nelayan.

Pertambahan itu katanya, akan memanfaatkan kira-kira 40,000 nelayan dan ini usaha kerajaan mengembalikan elaun yang sebelum ini dipotong.



RELAJAWAN 2021 | MODENISASI SEKTOR PERTANIAN

PROJEK PERTANIAN & PENTERNAKAN BERIMPAK & BERNILAI TINGGI RM100 JUTA
Melalui kerjasama dengan kerajaan negeri

PROGRAM PEMODENAN VESSEL & MEKANISASI TANGKAPAN RM150 JUTA
Pembiasaan sehingga RM5 juta pada kadar 3.5% selama 10 tahun. Untuk membeli tanaf peralatan, puloi dan bot

PELAKSANAAN PROJEK PERTANIAN ORGANIK RM50 JUTA
Manfaat kepada 1,000 komuniti

PROGRAM PENGEMBANGAN AKUAKULTUR RM10 JUTA
Garan padanan sehingga RM10,000 Pengusaha mikro untuk membeli peralatan bagi mengembangkan ternakan akuakulturn bernilai tinggi

PROGRAM LADANG E-SATELIT RM10 JUTA

- Geran padanan sehingga RM30,000 kepada setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)
- Pembelian peralatan pertanian berdasarkan Internet Of Things
- Memanfaatkan >300 PPK dengan keahlian hampir 1 juta petani & peladang

PROGRAM KEBUN KOMUNITI (KEBUNITI) RM30 JUTA

PROGRAM MODENISASI RANTAIAN NILAI AGROMAKANAN RM60 JUTA
Pembiasaan sehingga RM1 juta pada kadar 3.5% untuk 10 tahun. Pengusaha pertanian untuk memperoleh peralatan & teknologi berteraskan Revolusi Industri 4.0 (RI4.0)

Berhubung tujuh inisiatif utama MAFI menerusi peruntukan RM410 juta, Ronald berkata, pihaknya akan melaksanakan Program Kebun Komuniti atau Kebuniti menerusi peruntukan RM30 juta yang bakal memanfaatkan 60,000 peserta.

MAFI juga katanya akan memastikan Program Ladang e-Satelit dapat dijayakan dengan sebaik mungkin.

Untuk tujuan itu, pihak kementerian mendapat peruntukan RM10 juta secara geran padanan sehingga maksimum RM30,000 bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2020	EDISI VIRAL	ONLINE	

Perkasa sektor agromakanan [METROTV]



Kuala Lumpur: Peruntukan Belanjawan 2021 sebanyak RM4.79 bilion kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkasakan lagi sektor pertanian serta industri makanan negara yang berdepan kesan pandemik Covid-19. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, jumlah yang diterima itu merangkumi perbelanjaan mengurus (OE) sebanyak RM3.28 bilion dan perbelanjaan pembangunan (DE) sebanyak RM1.51 bilion. Beliau berkata, MAFI akan memberi tumpuan kepada usaha memodenkan aspek pertanian dan perikanan yang menjadi fokus dalam pembentangan belanjawan baru-baru ini dengan sektor pertanian diunjurkan menyumbang 4.7 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun depan. "Peruntukan pembangunan diberikan juga lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada pembangunan sektor agromakanan sebagai sektor ekonomi yang penting negara sekali gus memastikan kebajikan petani, penternak dan nelayan serta usahawan tani

Rampas 417kg tanduk biri-biri

Pelabuhan Klang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 417 kilogram (kg) tanduk biri-biri kerana tiada permit import sah di Pelabuhan Klang Utara pada Jumaat lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, tanduk itu dirampas kira-kira 10.30 pagi ketika pemeriksaan rutin ke atas sebuah kontena dari Afrika Selatan.

"Pemeriksaan lanjut menemui tanduk biri-biri di dalam dua kotak besar yang bernilai RM19,544.57.

"Semua dagangan itu kemudian ditahan dan dirampas untuk tindakan lanjut," katanya.

Tarmisal berkata, kemungkinan hasilan haiwan tanpa permit dan sijil kesihatan veterinar boleh memberi risiko terhadap industri ter-

nakan haiwan ruminan terutama jangkitan penyakit seperti kuku dan mulut, rinderpest, anthrax atau penyakit berbahaya lain kepada industri ternakan.

"Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit import sah Maqis adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata, pada kebiasaan, tanduk biri-biri itu diimport untuk tujuan kraftangan dan perhiasan bagi pasaran tempatan.



TANDUK biri-biri tiada permit import sah yang dirampas, Jumaat lalu.

Maqis Selangor rampas 417 kg tanduk biri-biri

KLANG – Cubaan menyeludup masuk 417 kilogram (kg) tanduk biri-biri bernilai RM19,544.57 dari Afrika Selatan gagal selepas berjaya dihidu Jabatan Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor di Pelabuhan Klang Utara, kira-kira puluh 10.30 pagi, Jumaat lalu.

Pengarah Maqis negeri, Dr. Tarmisal Alimin berkata, penemuan tanduk biri-biri itu hasil pemeriksaan rutin pihaknya terhadap sebuah kontena dari Afrika Selatan.

“Semakan mendapati, tanduk biri-biri yang dimport oleh sebuah syarikat tempatan tidak mempunyai permitt import Maqis yang sah.

“Kita percaya tanduk biri-biri ini adalah untuk krafangan dan dijual untuk pasaran tempatan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau menambah, setiap unit tanduk biri-biri itu dijual pada harga antara RM50 hingga RM100.

Tarmisal menjelaskan, hasil lan haiwan tanpa permit dan sijil kesihatan veterinar boleh memberi kesan kepada industri ternakan haiwan ruminan daripada segi jangkitan penyakit seperti kuku dan mulut, rinderpest, Anthrax ataupun lain-lain penyakit yang berbahaya kepada industri ternakan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

“Jika sabit kesalahari, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara maksimum tahun atau kedua-duanya sekali,” jelasnya.



SEBAHAGIAN tanduk biri-biri yang diimport Maqis Selangor di Pelabuhan Klang Utara, Selangor Jumaat lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Harga makanan ayam naik jejas margin keuntungan pengeluar telur



KUALA LUMPUR - Kenaikan harga makanan ayam dan penurunan ketara harga telur di pasaran ketika pandemik koronavirus (Covid-19) sekarang adalah antara punca penurunan margin keuntungan pengeluar telur di negara ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, berdasarkan harga telur di pasaran (berasaskan harga telur Gred C), penurunan harga yang ketara sebanyak 38 peratus kepada 21 sen sebiji pada November berbanding 34 sen sebiji pada April lalu.

"Kos pengeluaran meningkat akibat kenaikan harga makanan ayam sebanyak empat hingga lima peratus. Kos makanan ini adalah penyumbang kepada 70 peratus daripada keseluruhan kos pengeluaran," katanya dalam jawapan bertulis pada sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) yang ingin tahu tahap kesan penularan Covid-19 kepada sektor perternakan ayam telur yang didakwa menyebabkan pengeluar telur mengalami kerugian jutaan ringgit berikutan kenaikan harga makanan ternakan.

Kiandee berkata, kenaikan harga makanan ayam tahun ini dipengaruhi oleh kenaikan harga bahan asas utama makanan ternakan ayam seperti jagung yang meningkat 15.2 peratus kepada RM1,100 satu tan pada November berbanding RM955 pada April sementara harga kacang soya pula meningkat 9.4 peratus kepada RM2,100 satu tan pada November berbanding RM1,920 pada April.

Beliau berkata, harga bahan asas makanan haiwan ini ditentukan oleh harga pasaran komoditi dunia.

Kiandee berkata, kementerian sedang berbincang dengan pihak pengilang dan persatuan pengilang makanan ternakan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik mengenai masalah berbangkit sebagai langkah intervensi jangka pendek situasi itu.

"Pada masa sama, bagi memastikan bekalan makanan terutamanya bekalan telur domestik mencukupi dan terjamin, kementerian sentiasa memantau bekalan makanan secara harian sejak pelaksanaan PKP hingga sekarang di samping memastikan kebijakan penternak domestik sentiasa diambil kira.

"Maklumat dalam negara yang diperoleh daripada agensi kerajaan, pemain industri dan usahawan tani sentiasa dipantau dan dianalisis secara berkala," katanya. - Bernama

Sektor pengeluaran telur ayam rugi ketika Covid-19

PETALING JAYA — Margin keuntungan pengeluar telur menurun berikutan kenaikan harga makanan ayam dan penurunan ketara harga telur di pasaran semasa pandemik Covid-19.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, penurunan harga paling ketara sebanyak 38 peratus kepada 21 sen sebiji pada November berbanding 34 sen sebiji April lalu.

"Kos pengeluaran meningkat ekoran kenaikan harga makanan ayam sebanyak empat hingga lima peratus. Kos makanan ini penyumbang kepada 70 peratus daripada keseluruhan kos pengeluaran."

"Harga bahan asas makanan haiwan ini ditentukan oleh harga pasaran komoditi dunia," katanya dalam jawapan bertulis pada persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) tentang kesan pandemik Covid-19 terhadap sektor penternakan ayam telur yang didakwa alami kerugian.

Klandee berkata, kenaikan harga makanan ayam tahun ini dipengaruhi oleh kenaikan harga bahan asas utama makanan ternakan ayam seperti jagung.

Menurut beliau, harga jagung meningkat 15.2 peratus kepada RM1,100 satu tan pada November berbanding RM955 pada April.

Kata beliau, harga kacang soya pula meningkat 9.4 peratus kepada RM2,100 satu tan pada November berbanding RM1,920 pada April.

Justeru, katanya, pihaknya sedang berbincang dengan pengilang dan persatuan pengilang makanan ternakan bagi mencari jalan penyelesaian isu tersebut.

Bagaimanapun, kata beliau, kerajaan sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan bekalan makanan terutamanya bekalan telur domestik mencukupi dan terjamin.

"Maklumat yang diperoleh daripada agensi kerajaan, pemain industri dan usahawan tani sentiasa dipantau dan dianalisis secara berkala," katanya.



HARGA makanan ayam meningkat telah menyebabkan keuntungan penjualan telur ayam turut terjejas. — GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
16/11/2020	HARIAN METRO	DEWAN RAKYAT	SURAT
16			

Pengeluar telur ayam alami kerugian

Kuala Lumpur: Kenaikan harga makanan ayam dan penurunan ketara harga telur di pasaran ketika pandemik Covid-19 sekarang adalah antara punca penurunan margin keuntungan pengeluar telur di negara ini, kata **Menyambungkan dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee**.

Beliau berkata berdasarkan harga telur di pasaran (berasaskan harga telur Gred C), penurunan harga yang ketara sebanyak 38 peratus kepada RM0.21 sebiji pada November berbanding

RM0.34 sebiji pada April lalu. “Kos pengeluaran meningkat ekoran kenaikan harga makanan ayam sepanjang empat hingga lima peratus. Kos makanan ini adalah penyumbang kepada 70 peratus daripada keseluruhan kos pengeluaran,” katanya dalam jawapan bertulis pada sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Jalaluddin Alias (BN-Jelebu)** yang ingin tahu

tahap kesan penularan Covid-19 kepada sektor pertanian ayam telur yang didakwa menyebabkan pengeluar telur mengalami kerugian jutaan ringgit berikutan kenaikan harga makanan termakan.

Kiandee berkata kenaikan harga makanan ayam tahun ini dipengaruhi oleh kenali harga bahan asas utama makanan ternakan ayam seperti jagung yang meningkat 15.2 peratus kepada RM1,100 satu tan pada November berbanding RM955 pada April sementara harga

kacang soya pula meningkat 9.4 peratus kepada RM2,100 satu tan pada November berbanding RM1,920 pada April.

Beliau berkata harga bahan asas makanan haiwan ini ditentukan oleh harga pasaran komoditi dunia dan kementerian sedang berbangun dengan piak penglang dan persatuan penglang makanan ternakan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik mengenai masalah berbangkit sebagai langkah intervensi jangka pendek siti tuasi itu. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
18/11/2020	THE STAR	NATION	SURAT
			14

Cheaper chicken eggs in the market

COVID-19 has resulted in cheaper chicken eggs for Malaysians following a 38% drop in prices during the MCO period, says Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Riandee.

"There has been a drop by 38% in market prices for Grade C eggs to 21 sen per egg in November 2020, compared to 34 sen per egg in April 2020," he said in a written reply to

Datuk Jalaluddin Alias (BN-Jelebu). Jalaluddin wanted to know if there was a drop in chicken egg prices that resulted in millions in losses for the poultry industry.

Riandee noted that the implementation of the MCO resulted in the food sector industry limiting their operations and in turn caused a drop in demand for eggs by restaurants, hotels and school canteens.

"However, egg production remained at the same levels and led to dumping at farms, causing a price drop of eggs in the market," he added.

He said egg producers were also hit with the rising cost of chicken feed between 4% and 5%, which accounted for 70% of production prices.

He added that chicken feed such

as corn had risen to RM1,100 per tonne in November 2020 compared to RM955 per tonne in April while soybean rose to RM2,100 per tonne compared to RM1,920 per tonne for the same period.

The government first implemented the MCO on March 18, which has been extended to include the conditional MCO currently in place.

Double blow for poultry farmers

DESPITE an increase in global prices for chicken feed, egg prices during the movement control order (MCO) had fallen by 38%, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee told the Dewan Rakyat yesterday.

He attributed the fall in prices to reduced demand by the food industry, especially restaurants, hotels and school canteens.

He pointed out that the implementation of the MCO had

resulted in the food sector limiting its operations.

He was replying to a question by Datuk Jalaluddin Alias (Jelebu-BN), who asked how much the Covid-19 pandemic impacted the egg

production sector locally, with the industry allegedly suffering millions in losses following the increase in chicken feed prices.

Ronald said egg production remained at normal capacity, and that resulted in a drop in the price for

eggs in the market.

"Based on the market price for eggs, there was a huge drop of 38% to 21 sen each in November compared to 34 sen in April."

He added that this caused profits for traders to fall while costs went up, with chicken feed making up 70% of production expenditures.

"This increase in prices was influenced by an increase in price of the base ingredients for chicken feed such as corn, that increased to

RM1,100 per tonne in November, compared to RM955 per tonne in April while the price of soybeans increased to RM2,100 per tonne in November compared to RM1,920 in April."

To ensure adequate of food items, especially eggs, the ministry has been constantly monitoring supplies since the MCO was implemented, said Ronald, adding that the welfare of farmers was always taken into account.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2020	SINAR HARIAN	PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT	10

Harga makanan ayam pengaruhi keuntungan pengeluar telur

KUALA LUMPUR - Kenaikan harga makanan ayam dan penurunan ketara harga telur di pasaran ketika pandemik koronavirus (Covid-19) antara punca penurunan margin keuntungan pengeluar telur di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, berdasarkan harga telur di pasaran (Gred C), penurunan harga yang ketara sebanyak 38

peratus kepada 21 sen sebiji pada November berbanding 34 sen sebiji pada April lalu.

“Kos pengeluaran meningkat ekoran kenaikan harga makanan ayam sebanyak empat hingga lima peratus. Kos makanan ini adalah penyumbang kepada 70 peratus dari pada keseluruhan kos pengeluaran,” katanya menjawab soalan **Datuk Jalaluddin Alias (BN-Jelebu)** di Dewan Rakyat semalam. - Bernama

Sumber perikanan lebih sistematik

Hala tuju baharu Jabatan Perikanan tingkatkan hasil tangkapan negara



Vesel moden akan meningkatkan daya saing negara dan membuka ruang pasaran perikanan negara ke seluruh dunia.

Industri perikanan kian berkembang maju di Malaysia, namun tidak dinafikan pengguna di negara ini terus menghadapi isu bekalan dan kenalkan harga ikan.

Jaminan bekalan ikan sebagai salah satu sumber utama makanan akan terus menjadi cabaran besar seiring dengan perubahan iklim, faktor pengeluaran dan kenaikan harga takta negara sedang berperang dengan pandemik Covid-19.

Peningkatan dari segi permintaan bukan hanya disebabkan pertambahan penduduk tetapi turut melibatkan citarasa pengguna. Bekalan ikan yang mencukupi bergantung kepada daya maju perusahaan ihi sekali gus mampu menjamin pendapatan golongan nelayan dan peternak ikan.

Pada tahun 2019, status penggunaan ikan parkapita (PCC) di negara ini adalah sebanyak 46.4kg/

orang dengan tahap sara diri (SSL) mencecah 93%. Perikanan tangkapan yang merangkumi laut pantai dan laut dalam telah menyumbang sebanyak 1,455,446 tan metrik atau 77.7% bernilai RM11.336 billion.

Sumber perikanan ditadbir urus di bawah Akta Perikanan 1985 disokong kajian saintifik. Sistem pelesehan vesel dilaksanakan untuk mengawal daya usaha tangkapan agar sumber diexploitasi secara rampan.

Pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti marin dipraktikuhkan melalui penubuhan taman-taman laut, zon-zon konservasi, kawasan-kawasan refugia, Program Ecosystem Approach to Fisheries Management (EAFM), program tutuk tiruan dan kawasan larangan perikanan.

Bagi memastikan sumber perikanan tangkapan negara kekal rampan,

pemantauan, pengawasan dan pengawalseliaan dilaksanakan untuk mencegah salah laku yang boleh menjerat sumber perikanan.

Merujuk kepada dasar sedar ada Jabatan Perikanan, permohonan permisi vesel laut dalam zon C2 masih dibuka untuk beroperasi di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ini sebagai satu langkah untuk meningkatkan pendaratan perikanan tangkapan khususnya dari sektor laut dalam,

Ketua Penggaris Jabatan Perikanan Malaysia, Ahmad Tarmidzi Ramly berkata, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) telah memperkenalkan Dasar Pemodenan Vesel Penangkapan Ikan untuk memajukan industri perikanan tangkapan negara setanding dengan negara seperti Jepun dan Kesatuan Eropah (EU).

Menurutnya, dasar berkenaan juga bertujuan membedung aktiviti perikanan secara haram, yang tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia ke atas sebagai illegal, Unreported and Unregulated (IUU).

"Kita fokuskan kepada pengusaha laut dalam atau zon C2 iaitu mereka yang menangkap melebihi 30 batu nautika ke atas dan muatan vesel melebihi 70 GRT.

"Transformasi ke arah pemodenan ini juga perlu melibatkan industri downstream, midstream dan upstream. Komponen fasiliti dan pengendalian ikan di kompleks pelabuhan perikanan juga perlu dinaiktaraf dan dilengkapi kemudahan asas dan moden untuk membantu aktiviti pendaratan ikan yang lebih berdaya saling di dalam negara.

"Dasar ini juga secara tidak langsung bertujuan memajukan industri pembinaan vesel atau Shipyard di dalam negara," katanya kepada *Sinar Harian*.

Teknologi baharu

Pengurusan pelepasan sedia ada dilurus melalui sistem e-Lesen dan Malaysia Fishing Vessel Record (MFVR).



“Dasar ini untuk memajukan industri perikanan tangkapan negara setanding negara luar.”
Ahmad Tarmidzi

Bagi memantapkan lagi pengurusan sektor perikanan tangkapan di negara ini, Ahmad Tarmidzi berkata, Jabatan Perikanan memperkenalkan beberapa kaedah teknologi baru.

Antara perubahan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah Sistem Identiti kasi Vesel (SIV) yang menggunakan teknologi kod QR dan RFID pulak merupakan kaedah identiti kasi vesel bertujuan memberantas aktiviti pengklonan vesel di laut dan di pangkalan.

Turut dibangunkan, Sistem Fishing Sites Identification (FSI) laitu kolaboratif bersama Jabatan Perikanan Malaysia, Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) untuk meningkatkan produktiviti dan pengurangan kos operasi terutama di kalangan vesel pukat jerut.

Sementara itu, Sistem Electronic ASEAN Catch Documentation Scheme (eACDS) sedang dibangunkan dengan kerjasama Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC).

Transformasi ke arah pemodenan ini juga perlu melibatkan industri downstream, midstream dan upstream. Komponen fasiliti dan pengendalian ikan di kompleks pelabuhan perikanan juga perlu dinaiktaraf dan dilengkapi kemudahan asas dan moden untuk membantu aktiviti pendaratan ikan yang lebih berdaya saling di dalam negara dan setara serta mematuhi kualiti antarabangsa.

Melalui sistem ini, aktiviti Daya Jejak (traceability) perikanan tangkapan dapat dipantau dari atas vesel sehingga ke pengguna, selain memenuhi keperluan eksport ke negara Kesatuan Eropah.

"Kami akan terus mengkaji dasar-dasar baharu bagi memajukan dan membangunkan industri perikanan kita.

"Ia penting agar seiring dengan keperluan instrumen domestik dan antarabangsa bagi penambahbaikan dan memudah cara pembangunan industri perikanan tangkapan secara keseluruhan," katanya.

Bagaimanapun katanya, kerjasama dan sokongan daripada pemain-pemain industri sangat diperlukan untuk memahami dan mematuhi segala desar serta perancangan kementerian.



Penggunaan ikan berkepala rakyat Malaysia merupakan antara yang tertinggi di dunia.



Perikanan tangkapan menyumbang 77.7% keluaran ikan negara dengan nilai RM11.336 billion.

PENGELUARAN PERIKANAN MALAYSIA 2019

NILAI
RM15.26 BILION

1.87 JUTA T.M IKAN MAKAN
287.5 JUTA EKOR IKAN HIASAN
51.7 JUTA IKAT TUMBUHAN AKUATIK



PERIKANAN TANGKAPAN

Bil Nelayan 126,595 orang 1,455 JUTA T.M
Bil Vesel 50,945 buah RM 11.34 BILLION



AKUAKULTUR

Bil Peternak 20,149 orang 411,782 T.M
Luas Ladang 34,712 hektar RM 3.3 BILLION



PERIKANAN DARAT

Bil Nelayan 5,569 T.M
3,205 orang RM 90.17 JUTA



PENINGKATAN SEBANYAK 2.65 %
DARI SEGI NILAI (RM)

2018 RM 14.86 B
2019 RM 15.26 B

PENINGKATAN SEBANYAK 1.21 %
DARI SEGI PENGELUARAN (TM)

2018 1.85 JUTA TM
2019 1.87 JUTA TM

12 penternak rugi hampir RM3 juta

Ikan mati dipercayai akibat pencemaran air, kekurangan oksigen

Oleh FARAH SHAZWANI

mad Mokhtar Taib, 30, berkata, keluarganya kerugian lebih RM300,000 apabila 80 peratus ikan yang diternaknya mati.

“Saya perasan semasa gelombang pertama pada Selasa lepas apabila air tidak mengair seperti biasa menyebabkan ikan kekurangan oksigen. Pada masa itu sudah ada ikan yang mati. Dua hari kemudian keadaan kembali baik.

“Tapi gelombang kedua berlunak pada Sabtu lalu. Lebih banyak ikan mati disebabkan air keruh dan berlumpur. Penternak di sini syak ia masih hidup.”

MARANG

Seramai 12 penternak ikan sangkar di Kampung Gong Tepah di sini kerugian hampir RM3 juta apabila ikan ternakan mereka mati secara berperingkat sejak 10 November lalu, dipercayai akibat pencemaran air dan kekurangan oksigen.

Difahamkan, kejadian itu berlaku sebanyak dua kali iaitu pada 10 November lalu dan kemuncaknya pada 15 November lalu. Penternak ikan sangkar, Ahmad Mokhtar Taib

paling menyediakan sebab ikan yang ada yang mencecah sehingga lima kilogram tetapi tidak dapat dipasarkan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Tidak banyak yang terjual, selepas itu berlaku puja musibah sebegini. Tahun depan tak tahulah macam mana. Kalau boleh saya minta Jabatan Perikanan Terengganu siasat lumpur ini datang dari mana,” katanya. Sementara itu, Pegawai Khas Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Rhu Rendang, Nasaruddin Samsudeng, ketika ditemui berkata, pihaknya sudah menerima aduan daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Desa Pernai Darat Pak Chan pada 10 November lalu.

Susulan itu, katanya, pihaknya telah menghubungi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan Terengganu untuk turun mengambil sampel air sungai.



Penternak ikan sangkar di Kampung Gong Tepah menunjukkan ikan-ikan yang masih hidup.

Seorang lagi penternak ikan, Taib Sulaiman, 58, berkata, dia mula menternak ikan sangkar sejak tahun 2004 dan ini merupakan kejadian pertama mempunyai penternak di situ.

“Saya ada 52 sangkar dan setiap sangkar ada antara 800 ke 1,000 ekor ikan. Setakat ini 80 peratus ikan mati. Tahun ini

tiada masalah. Tapi kali ini air bertukar keruh dan berlumpur.

Tidak tahu datang dari mana.

Sebab itu kita syak ia disebabkan pencemaran air.

“Saya sudah berbelas tahun

menternak ikan. Walaupun hu-

jan lebat dan banjir sekali pun,



AHMAD MOHTAR TAIB

menurutnya tetap selut termasuk hingga ke insang.

“Kita tahu kalau ikan diselaputi selut merang ada masalah menyebabkan ikan mati,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Industri nanas maju, dinamik



LPNM terus perkasaan industri, bantu pengusaha

Oleh NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) terus mempergiatkan usaha untuk menjadikan sektor penanaman nanas lebih moden dan dinamik menerusi pelbagai program dan bantuan.

Pengerusinya, Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, LPNM sentiasa membantu kira-kira 5,000 pengusaha nanas yang terdiri daripada pekebun, usahawan industri asas tan (IAT), pemasar, pengangkut, penjual dan pengeksport.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan atas dasar penyaluran peruntukan sebanyak RM42.39 juta menerusi Belanjawan 2021 kepada LPNM bagi bantuan mengurus dan pembangunan.

Selain itu, katanya, LPNM juga menerima peruntukan RM9 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (Penjana) di bawah kerajaan negeri Johor.

"Diharapkan lebih ramai anak muda menyertai industri penanaman nanas kerana LPNM banyak membantu, ber-

mula daripada anak benih, baja dan sebagainya.

"Malah, pada waktu Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ketika ini, kita juga ada memberi bantuan. Kita akan bantu semampu yang boleh supaya lebih ramai terlibat dalam penanaman nanas," katanya di sini pada Ahad lalu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita, ketika ditemui selepas melawat ladang nanas dan kilang pemprosesan produk industri kecil dan sekerahan (IKS) berdasarkan nanas serta kios menjual nanas di Pontian dan Johor Bahru.

Turut serta Ketua Penggaris LPNM, Ruhaida Mashhor.

Dalam pada itu, Dr Sahrudin berkata, LPNM turut cakna membantu pengusaha tanaman nanas ketika berdepan keadaan cuaca tidak menentu seperti musim tengkujuh yang dijangka bermula hujung tahun ini.

"LPNM menyediakan bantuan tabung bencana seperti banjir dan kemarau sebanyak RM2,500 bagi tanaman nanas dengan keluasan satu hektar dan paling maksimum empat hektar.

"Bantuan diberikan dalam bentuk infrastruktur, peralatan dan input pertanian," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, bagi memperluas dan memudahkan capaian pengguna untuk mendapatkan produk

nanas, LPNM akan bekerjasama dengan syarikat e-dagang seperti Shopee yang dijangka bermula Disember ini.

Setakat ini, tanaman nanas di seluruh negara merangkumi kawasan seluas 16,000 hektar dengan Johor sebagai negeri terbesar yang menyumbang sebanyak 58 peratus daripada keluasan tanah diikuti Sarawak, Pahang dan Sabah.

Bantuan

Justeru, sebagai negeri terbesar yang mempunyai tanaman nanas, Johor memiliki ramai pengusaha tanaman nanas berjaya, antaranya Abdul Rahman Armat, 54, dari Kampung Parit Panjang, Pontian.

Abdul Rahman semasa ditemui pemberita berkata, beliau mengusahakan tanaman nanas di atas tanah seluas kira-

kira tiga hektar dengan nanas varieti MD2 paling banyak ditanam dan mendapat permintaan tinggi di pasaran.

Katanya, LPNM banyak memberikan bantuan dari segi khidmat nasihat dan baja sejak beliau mencebur ke bidang penanaman nanas pada tahun 2015.

"Pada peringkat awal, saya cuma tanam nanas MD2 sebanyak 80 pokok, kemudian dengan bimbingan LPNM, saya melangkah ke depan dengan memperluaskan lagi tanaman nanas.

"Pastinya tanaman nanas tidak terlepas daripada cabaran termasuk cuaca terlalu panas yang boleh mengganggu pembesaran buah nanas.

"Bagaimanapun, saya bersyukur kerana LPNM memberikan nasihat kepada saya untuk mengatasi masalah itu," katanya.

Jelas Abdul Rahman lagi, beliau kini memasarkan buah nanas segar secara dalam talian pada musim PKPB ini bagi memudahkan pengguna mendapatkan buah nanas dan seterusnya meraih pendapatan.

Seorang lagi usahawan produk IKS berdasarkan nanas,

Nur Eleena Sadikon, 29, berkata, syarikat Josa Pine diusahakan oleh ibu bapanya sejak tahun 2006 turut memperoleh bantuan daripada LPNM.

Katanya, sehingga kini pelbagai dana bantuan diterima merangkumi bantuan infra dan peralatan kilang serta mesin.

"LPNM sangat membantu bukan sahaja dari segi peralatan tetapi juga memberi bimbingan seperti kursus usahawan, multimedia dan akaun.

"Sehingga kini kilang saya yang terletak di Kampung Parit Selangor, Pontian mengeluarkan produk sos nanas, jem nanas dan inti tari nanas," katanya.

Pengurus Besar Kulim Pineapple Farm, Mohammad Yami Bakar pula berkata, LPNM memberikan kerjasama yang baik setakat ini dan beliau berharap ia akan berterusan.

"LPNM banyak membantu bukan dari segi teknologi sahaja tetapi juga hala tuju perancangan akan datang.

"Kita mempunyai enam kios Melita yang menjual produk seperti air tin nanas, kuih tart nanas, buah nanas potong dan jus nanas segar," katanya.



Nur Eleena (kiri) dan Ruhaida (kanan) memperkenalkan produk Josa Pine kepada Dr Sahrudin ketika lawatan beliau ke Kampung Parit Selangor, Pontian pada Ahad lalu.



Dr Sahrudin (tengah) dan Mohammad Yami (kiri) melihat produk yang dijual di kios Melita di Galleria@Kotaraya, Johor Bahru.



Agrobank kini berada di posisi terbaik menyokong inisiatif penting kerajaan merealisasikan agenda jaminan bekalan makanan”

MUSTAPHA BUANG

Mustapha Pengerusi Agrobank

oleh AFIQ MOHD SHAH
afiqyahmi.shah@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Agrobank mengumumkan pelantikan Datuk Mustapha Buang sebagai Pengurus Bebas Buatan Eksekutif institusi perbankan tersebut berkuat kuasa 12 November lalu.

Menurut Agrobank, pelantikan Mustapha yang ketika ini berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Asia PAC Holdings Berhad sejak Januari 2001 telah mendapat persetujuan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan.

Agrobank membentahu, Mustapha memulakan kerjaya sebagai perancang ekonomi di Johor Economic Development Corporation selepas tamat pengajian pada 1972.



“Beliau kemudiannya menyertai industri kewangan pada tahun 1974 dan menegang jawatan kanan dalam pengurusan syarikat selama 16 tahun. “Ketika ini, beliau turut menyandang jawatan sebagai pengarah di beberapa syarikat swasta dan merupakan ahli jawatankuasa lembaga pemegang amanan di beberapa pertubuhan bukan kerajaan,” katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Mustapha yang merupakan pemegang hizah Sanjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya meluahkan penghargaan dan berbesar hati menyertai Agrobank dalam fasa penting mengukuhkan jaminan bekalan makanan negara.

“Pandemik Covid-19 telah memberi penekanan tentang pentingnya kelestarian makanan kepada sektor pertanian,” katanya.

“Agrobank kini berada di posisi terbaik menyokong inisiatif penting kerajaan merealisasikan agenda jaminan bekalan makanan. “Saya berasa teruja untuk bekerjasama dengan ahli Lemba baga Pengaruh dan pasukan kerja di Agrobank yang dedikasi untuk memberikan akses kewangan lebih baik menerusi misi kami menyediakan rangkaian pembiayaan sepenuhnya kepada sektor pertanian,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



Nelayan junjung kasih kurniaan Sultan Johor

SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan mengumumkan enjin bot kepada lima orang nelayan Kampung Teluk Berhala, Pulau Aur, Mersing semalam.

Pengumuman itu adalah susulan permintaan mereka yang telah diutarakan ketika lawatan Sultan Ibrahim ke Pulau Aur pada 28 Oktober lalu.

Nelayan, Hazran Harun berkata, dia terharu dan tidak menyangka permintaan mereka dikurniakan oleh baginda dengan pemberian enjin bot berkenaan.

"Kami semua menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Tuanku Sultan atas kurniaan ini.

"Semoga Tuanku dilimpahi kesihatan, rezeki dan panjang umur," kata Hazran seperti dilihat naik dalam laman Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar hari ini.

Menerusi hantaran yang dilihat naik dalam laman Facebook itu, penyampaian enjin tersebut telah disempurnakan di Istana Flintstones, Mersing.

Yang turut hadir ialah Pegawai Daerah Mersing, Asman Shah Abd. Rahman.

■ SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar bersama lima nelayan yang menerima kurniaan enjin bot di Mersing, semalam. — GAMBAR FACEBOOK SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR

Penternak kerapu rugi RM5j

PASIR PUTIH: Kira-kira 50 penternak ikan kerapu hibrid di Taman Akuakultur Laguna Semerak, di sini berdepan kerugian lebih RM5 juta berikutan basil ternakan mereka gagal dipasarkan ke luar negara.

Malah, ikan air payau tersebut kini terancam dan mungkin mati jika air dari daratan akibat banjir mengalir ke sungai berkenaan sepanjang tempoh hujan lebat monsun Timur Laut.

Pengerusi Persatuan Penternakan Ikan Laguna Semerak (PPILS), Mustaffa Bakar berkata, tahun lalu penternak kerugian sehingga RM4 juta apabila ikan kerapu hibrid mati akibat air sungai tercemar.

Katanya, tahun ini mereka berdepan masalah sama kerana kuala lama yang tertimbun belum digali semula untuk memulihkan kualiti air sungai.

"Sehingga kini terdapat lebih 2,000 sangkar diusahakan penternak ikan melibatkan kerapu hibrid dan siakap yang gagal dipasarkan kesan Perintah Kaw-



MUSTAFFA Bakar (kiri) menunjukkan sebahagian sangkar ikan yang berdepan dengan kerugian akibat kualiti air sungai tercemar di Sungai Semerak, Pasir Putih, Kelantan, hari ini. — UTUSAN/TOREK SULONG

Ian Pergerakan (PKP) sejak Mac lalu.

"Kerapu hibrid seberat satu kilogram sepatutnya bernilai tinggi di luar negara kini membesar sehingga tiga kilogram kerana tidak laku dijual.

"Keadaan ini menyebabkan penternak terpaksa menanggung kos makanan tinggi. Apapun, kerajaan negeri sudah

tampil membantu membekalkan makanan ikan baru-baru ini," katanya ketika ditemui di Laguna Semerak semalam.

Mustaffa berkata, sebelum ini bekalan ikan dibeli secara pukal oleh pemborong untuk dieksport namun sejak PKP hasil ternakan ikan tidak laku dijual walaupun untuk kegunaan dalam negeri atau pasaran setempat.

Tengkujuh: Pengusaha ikan sangkar perlu peka

KUALA TERENGGANU: Pengusaha ikan sangkar di negeri ini diminta menuai hasil ternakan yang matang bagi mengelak risiko kematian terutama pada musim tengkujuh.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, langkah merancang jadual pemberian itu secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar kerugian yang perlu ditanggung penternak.

Bagaimanapun, katanya, bagi ternakan yang belum mencapai saiz pasaran, penternak disarankan mengurangkan tekanan kepada ikan dengan mengelak kepada padatan di samping memastikan kelancaran aliran air dan peka terhadap perubahan air.

"Spesies kerapu dan siakap lazimnya sensitif terhadap perubahan kadar kemasinan air, kekeruhan dan bacaan oksigen terdarurat dalam air yang berada di luar julat ternakan.

"Penternak menyedari ikan mulai lemah dan berenang di permukaan air pada pukul 4.30 petang pada 10 November lalu sekali gus mendorong mereka segera menuai ikan tersebut bagi jualan untuk mengelak kerugian," ujarnya.

Selasa lalu, empat pengusaha ikan sangkar di Kampung Gong Tepah di Sungai Marang, Marang kerugian sebanyak RM5,500 akibat ternakan siakap dan kerapu bersaiz antara 500 gram ke 1.5 kilogram miskin mereka mati.

Menurut Azman, hasil tinjauan Jabatan Perikanan dan sampel air yang diambil Jabatan Alam Sekitar mendapati insiden kematian ikan itu berpunca akibat penurunan kadar kemasinan air, kekeruhan dan bacaan oksigen terdarurat dalam air yang berada di luar julat ternakan.

"Penternak menyedari ikan mulai lemah dan berenang di permukaan air pada pukul 4.30 petang pada 10 November lalu sekali gus mendorong mereka segera menuai ikan tersebut bagi jualan untuk mengelak kerugian," ujarnya.

Ladang jagung geng pencen

Sekumpulan 15 pesara pelbagai bidang usahakan tanaman di tanah seluas empat hektar

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Pasir Mas

Berbudi kepada tanah ini bagai kan terapi buat kami, malah pada masa sama ia menjadi sumber pendapatan," kata pesara, Husin Ishak.

Husin, 72, antara 15 pesara daripada pelbagai bidang bergabung tenaga mengusahakan tanaman jagung di Kampung Tepi Sungai Tendong di sini, sejak empat tahun lalu.

Mereka yang berumur 56 hingga 72 tahun itu bukan calang-calang, malah ada antaranya bekas pengarah di jabatan kerajaan, pensyarah, polis dan guru yang kini bertukar kerjaya sebagai petani.

Husin kerjasama 'rakan sekampung' itu, mereka berpakat menge luarkan modal dengan menyewa tanah rizab kerajaan di tepi Sungai Kelantan seluas hampir empat hektar

HUSIN menunjukkan campuran racun ciptaan mereka.



SEBAHAGIAN daripada pesara mengutip hasil tanaman Jagung manis mereka.

untuk mengusahakan tanaman terabit.

Husin yang juga bekas pensyarah maktab perguruan di Kuala Lumpur berkata, selain mengisi masa luang, mereka ingin membuka mata anak muda mengenai manfaat berbudi kepada tanah yang boleh memberi pendapatan lumayan.

"Hasil tanaman Jagung ini menjana pendapatan apabila ia boleh dikutip empat kali setahun mengikut musim. Kami biasanya menjual sendiri jagung atau diletakkan di kedai runut dan berharap dapat dijual secara borong pada masa akan datang. "Sebenarnya, bercucuk

pasaran semasa.

Sementara itu, Marzeki Mohamad, 56, berkata, apa yang istimewa jagung diusahakan tidak menggunakan bahan kimia.

"Kami bergandang bahan mengusahakan tanaman bermula daripada proses menanam, membaja dan mengutip hasil sebelum ia dipasarkan," katanya ketika ditemui di ladang jagung milik mereka di Kampung Tepi Sungai di sini.

Husin juga imam di kampung itu berkata, jagung dijual pada harga 80 sen sehinga RM1 setengah bergantung kepada saiz dan

pasaran semasa.

"Jagung kami mempunyai rasa manis, malah kebanyakannya pelanggan memang berpuas hati."

"Kami berharap ada pihak membantu untuk memajukan ladang ini, sekali gus memberi peluang pekerjaan kepada golongan muda," katanya.

Beradab buka kebun sayur, jangan musnahkan tadahan air

Gua Musang: "Kami bukan halang buka kebun sayur, tetapi biarlah beradab dan tidak sampai menumsahkan kawasan tadahan air bukit," kata Penghulu Kampung Brooke Lama, Riang Bujang.

Dia berkata, air tadahan bukit adalah sumber bekalan air bersih utama bagi penduduk Orang Asli setiap kampung sekitar Pos Brooke dan Lojing.

Katanya, masalah berlaku apabila air Sungai Belatop tidak lagi boleh digunakan untuk keperluan harian sama ada mandi, membiasuh pakaian dan memasak kerana kotor serta berselut.

Terdapat 10 kawasan tadahan air bukit yang men-

jadi keperluan Orang Asli, tetapi kini terdedah kepada kerosakan apabila kawasan dibuka di kawasan itu.

"Kami bersama penduduk selalu mencari tempat baharu untuk memasang paip tadahan bukit apabila kawasan sedia ada musnah de ngan aktiviti penanaman sayur.

"Kadangkala dalam setahun, dua atau tiga kali berpindah ke kawasan baharu kerana pengusaha kebun sayur tidak mengambil berat masalah dihadapi Orang Asli," katanya.

Riang berkata, keadaan semakin teruk pada musim hujan apabila paip kerap tersumbat dengan tanah ka-

pasir kesan kemusnahaan kawasan tadahan air bukit.

Berikut itu, katanya, penduduk terpaksa bergotong-royong membersihkan paip tersumbat itu jika tidak, bekalan air terputus.

Penghulu Kampung Sendrop, Andol Busu Jamin berkata, tadahan air bukit berhampiran kampungnya kerap rosak dan bekalan air terputus.

Katanya, sejak menggunakan air tadahan bukit 20 tahun lalu, mereka membina kawasan tadahan baharu di tiga tempat bagi mengelakkan penggunaan air berselut.

"Kami sudah muak me larang pengusaha kebun sa yur supaya tidak ceroboh ka-



RIANG memperlihatkan aliran air dari hakisan tempat tadahan air bukit yang berselut.

"Mereka sepatutnya faham kerana Orang Asli perlu air bersih berikutkan air Sungai Belatop tidak lagi selamat digunakan kerana terlampaui kotor," katanya.